

# Sukan Piala Pengetua Sri Angkasa

oleh: Ardi Erin



AHAD, 23 Mac – Kolej Kediaman Sri Angkasa berjaya menganjurkan sukan Piala Pengetua Sri Angkasa buat pertama kalinya melibatkan para penghuni kolej yang diadakan di Gelanggang Kolej Kediaman Sri Angkasa.

Aktiviti yang diadakan selama dua hari ini melibatkan empat jenis sukan iaitu bola tampar, badminton, futsal dan sepak takraw.

Walaupun kolej kediaman ini baru sahaja dibuka kepada mahasiswa, namun pelaksanaan untuk menganjurkan sukan kepada penghuninya telah membuahkan hasil dengan penyertaan yang cukup memberangsangkan.

Menurut pemenang sukan sepak takraw, Aliron Uwot, “Sukan seumpama ini harus diteruskan untuk memupuk gaya hidup sihat kepada mahasiswa yang sibuk dalam melaksanakan tugas mereka”.

Pelaksanaan sukan yang melibatkan mahasiswa harus dianjurkan secara berterusan oleh semua kolej kediaman UMS, agar keseimbangan dari segi kurikulum dan ko-kurikulum ada dalam diri mahasiswa.

Dikurniakan oleh Tuhan kepada semua mahasiswa namun ia tetap bergantung kepada kemampuan mahasiswa itu sendiri untuk menggilap bakat yang terpendam dalam diri masing-masing”, katanya ketika merasmikan program tersebut.

<< [Pemenang-Pemenang sepak takraw.](#)